

06 JUL 1996
Muhyiddin-Sukan
INSENTIF SUKAN DINILAI SEMULA

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Insentif wang tunai yang ditawarkan kepada ahli sukan yang mencapai kejayaan dalam pertandingan peringkat antarabangsa akan dinilai semula, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Katanya, beliau bersetuju insentif yang ditawarkan sekarang adalah terlalu tinggi dan dalam keadaan tertentu boleh menjejaskan pencapaian sesetengah ahli sukan.

"Kita akan menilai insentif ini mengikut jenis sukan, peringkat pertandingan supaya ia adil kepada semua jenis sukan," katanya pada persidangan berita selepas upacara penyerahan bendera kepada kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik 1996 di Atlanta oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Beliau berkata pemberian insentif yang ada sekarang juga tidak adil kerana hanya sukan tertentu berjaya menerima insentif terbabit.

Katanya, insentif untuk peringkat Sukan Komanwel bagi acara badminton diperolehi dengan mudah bagi pemain sukan itu sedangkan mutu pertandingan agak rendah kerana tiada pemain terbaik dunia bertanding di situ.

Muhyiddin juga berkata semua pertubuhan sukan mesti menggunakan kaedah saintifik dan perancangan yang rapi untuk meningkatkan pencapaian atlet negara di peringkat antarabangsa.

"Kita tidak perlu memiliki saiz badan orang Eropah atau Amerika untuk mencapai kejayaan tetapi jika menggunakan kaedah saintifik kita juga boleh berjaya seperti negara Asia yang lain," katanya.

Beliau berkata Majlis Sukan Negara (MSN) akan ditugaskan untuk mencari kaedah saintifik yang sesuai dan Institut Sains Sukan dijangka melahirkan pakar-pakar untuk mencipta kaedah saintifik ini.

Selain sukan untuk tujuan pertandingan dan mencapai kemenangan, Muhyiddin berkata kementerian akan memperhebatkan program sukan untuk semua.

-- BERNAMA
MT AKD